

Kerajaan negeri siap sedia hadapi banjir

IPOH - Kerajaan negeri kini dalam keadaan bersiap sedia sepenuhnya bagi menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya berlaku bencana banjir akibat keadaan cuaca tidak menentu ketika ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, jawatankuasa bencana di setiap daerah akan berbincang mengenai operasi, persiapan untuk memastikan tindakan sesuai diambil ketika bencana alam berlaku.

“Kerajaan negeri sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi bagi memastikan persediaan berhadapan bencana dapat dirangka dengan lancar di semua daerah.

“Jawatankuasa ini sudah siap bersedia bagi berhadapan dengan apa jua musibah dan bencana alam yang tidak menentu ketika ini,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Exco, semalam.

Zambry menambah, kerajaan negeri telah memperuntukkan

RM100,000 bagi setiap daerah sebagai persediaan segera seperti tempat pemindahan, makanan dapat dilakukan dengan pantas.

“Jika berlaku bencana pada bila-bila masa, mereka (pegawai daerah) boleh guna peruntukan itu tanpa perlu minta kelulusan kerajaan negeri.

“Kita nak kurangkan karenah birokrasi untuk mendapatkan kelulusan (bantuan) yang mungkin mengambil masa dua hingga tiga hari,” katanya.